




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA KEJADIAN PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD) DI MALAYSIA


Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan mengenai situasi terkini penyakit tangan, kaki dan mulut atau "*Hand, Foot And Mouth Disease*" (HFMD) di Malaysia.

Bagi tahun 2022, sehingga **hari terakhir minggu epidemiologi (ME) 23/2022** (pada 11 Jun 2022), sejumlah 95,924 kes telah dilaporkan, iaitu peningkatan sebanyak 36 kali ganda bagi tempoh yang sama pada tahun 2021 (semasa pandemik COVID-19) iaitu 2,654 kes. Jika dibandingkan dengan kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2019 (sebelum pandemik COVID-19) iaitu sebanyak 30,880 kes, ia menunjukkan **peningkatan sebanyak 3.1 kali ganda**. Manakala kes dilaporkan di seluruh negara bagi ME 23/2022 sahaja adalah 13,080, menurun sebanyak 22.9 % berbanding ME 22/2022 iaitu 16,954 kes. Tren kes mingguan HFMD menunjukkan penurunan sejak ME 22/2022 selepas bilangan kes mencapai kemuncak tertinggi pada ME 21/2022 (Rajah 1).



Rajah 1: Tren kes HFMD mengikut ME bagi tahun 2019, 2021 dan 2022 (sehingga ME 23/2022)

Pada tahun 2022, sehingga 11 Jun 2022, Negeri Selangor menyumbang jumlah kes tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu 26,799 kes (27.9%). Ia diikuti oleh WP Kuala Lumpur & Putrajaya 10,739 kes (11.2%), Perak 9,744 kes (10.2%), Johor 6,326 kes (6.6%) dan Kelantan 6,153 kes (6.4%); sementara negeri-negeri lain pelaporan kes HFMD sekitar atau kurang daripada 5,500 kes (Rajah 2).



Rajah 2: Kumulatif kes HFMD tahun 2022 mengikut negeri sehingga 11 Jun 2022

Kes HFMD banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah iaitu sebanyak 86,230 kes (90%), diikuti kumpulan umur 7 hingga 12 tahun seramai 7,878 kes (8%). Manakala selebihnya berumur lebih 12 tahun iaitu seramai 1,816 kes (2%)

Berdasarkan surveilan jenis virus (*enterovirus*) penyebab HFMD di Malaysia, tiga (3) virus utama yang menyebabkan penularan HFMD dalam komuniti pada tahun 2022, adalah Enterovirus 71 (EV71), Cocksackie A6 (CA6) dan Cocksackie A16 (CA16). Pada tahun 2022, sehingga kini, terdapat tiga (3) kes HFMD yang dimasukkan ke Wad Rawatan Rapi (ICU). Kes pertama dan kes kedua dimasukkan ke ICU kerana mengalami komplikasi radang otak (*encephalitis*) disahkan dijangkiti EV71 dan masih di bawah pemantauan rapi di ICU. Manakala kes ketiga telah pun sihat dan dibenarkan pulang ke rumah.

Sehingga kini, sebanyak 1,882 wabak dilaporkan di Malaysia di mana **tiga (3) negeri** mencatatkan kejadian wabak **tertinggi** iaitu WPKL & Putrajaya 602 wabak (32.0%), diikuti Sarawak 265 wabak (14.1%) dan Selangor 233 wabak (12.4%). Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di taska, tabika, tadika dan pra-sekolah iaitu 1,102 wabak (59%) diikuti oleh rumah persendirian 696 wabak (37%) dan pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 55 wabak (3%). Wabak didefinisikan sebagai kejadian kes HFMD dengan jumlah kes dua (2) atau lebih dalam satu lokaliti dan kes mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi penyakit HFMD.

Walaupun terdapat tren penurunan kes HFMD selama dua (2) minggu berturut-turut, orang awam perlu mengamalkan langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan diri dan ahli keluarga daripada dijangkiti HFMD.

KKM juga ingin menasihati **ibu bapa atau penjaga** kepada kanak-kanak yang mempunyai tanda-tanda jangkitan HFMD agar:

- I. Tidak membawa anak ke tempat-tempat awam / sekolah / taska / tadika / pusat asuhan kerana boleh merebakkan jangkitan kepada kanak-kanak lain;
- II. Mengamalkan budaya mencuci tangan dengan sabun dan air bersih selepas ke tandas, selepas menukar lampin dan selepas menyentuh / merawat lepuh;
- III. Membersihkan permainan anak serta lantai rumah termasuk tandas dengan menggunakan larutan campuran klorin; dan
- IV. Memastikan lampin pakai-buang dibuang dengan cara yang betul.

Manakala **pengusaha dan pengasuh di taska, tadika dan tabika** dinasihatkan agar sentiasa:

- I. Memastikan **premis** termasuk peralatan dan perkakasan yang digunakan oleh kanak-kanak **dibersihkan** setiap hari;
- II. Membuat **saringan di pintu masuk** premis bagi memastikan kanak-kanak tiada tanda-tanda jangkitan HFMD. Kanak-kanak dengan gejala dinasihatkan untuk tidak hadir ke sekolah bagi mengelakkan jangkitan kepada kawan-kawannya;

- III. Sentiasa **mengamalkan kebersihan diri** termasuk mencuci tangan selepas menguruskan seorang kanak-kanak sebelum mengendalikan kanak-kanak lain;
- IV. **Mengamalkan langkah-langkah pencegahan** penyakit berjangkit termasuk penyakit COVID-19 seperti memakai pelitup muka dan menghadkan pergaulan rapat;
- V. Memastikan **lampin pakai-buang** dibuang dalam tong sampah bertutup; dan
- VI. **Melaporkan kluster HFMD** kepada pejabat kesihatan daerah berhampiran untuk tindakan kawalan dan pencegahan.

Bagi **pengusaha *indoor playground*** dan **Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPKM)** perlu melaksanakan saranan berikut;

- I. Mengadakan ***gatekeeping screening*** di pintu masuk *indoor playground*;
- II. Membuat **pembersihan premis** dan basmi kuman alatan sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari;
- III. Meletakkan **papan peringatan/poster** berkaitan langkah pencegahan jangkitan HFMD di pintu masuk *indoor playground*; dan
- IV. Menyediakan **kemudahan** cuci tangan atau *hand sanitiser* di pintu masuk *indoor playground*.

Selain itu, KKM juga akan terus menjalankan langkah pencegahan dan kawalan bagi penyakit HFMD. Bagi tahun 2022, sehingga 11 Jun 2022, tindakan kawalan dan langkah pencegahan bagi penyakit HFMD yang telah dilaksanakan di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

Jadual 1: Ringkasan Aktiviti Kawalan dan Pencegahan HFMD

Bil.	Aktiviti	Bilangan
1	Bilangan premis diperiksa	55,227
2	Bilangan premis ditunjukajar dan dipantau pelaksanaan disinfeksi	28,266
3	Penutupan premis (secara sukarela)	342
4	Penutupan premis (di bawah peruntukan Akta 342)	1,125
5	Pembukaan premis	1,045
6	Pendidikan kesihatan	167,171
7	<i>Townhall Meeting</i>	297
8	Lawatan ke <i>Indoor Playground</i>	438

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

14 Jun 2022 @ 9:30 pagi

Jadual 2: Aktiviti Kawalan dan Pencegahan bagi HFMD yang dijalankan oleh Negeri

AKTIVITI	Bil. Taska/ Tadika/ Tabika/ Pra-sekolah	Bil. Premis Diperiksa		Bil. Premis Disinfeksi	Penutupan premis (Secara Sukarela)	Penutupan premis (Akta 342)	Pembukaan premis	Pendidikan Kesihatan	Townhall Meeting	Lawatan ke <i>Indoor Playground</i>
		Taska/ tadika/ Tabika/ Pra-sekolah	Lain-lain							
JOHOR	3,301	1,578	8,880	4,887	23	119	108	9,559	29	110
KEDAH	2,068	440	1,125	416	35	35	30	10,931	7	0
KELANTAN	1,803	403	4,937	1,996	11	11	21	11,807	17	0
MELAKA	687	193	260	110	17	44	40	5,342	15	84
NEGERI SEMBILAN	761	364	4,375	1,833	33	28	25	9,308	9	4
PAHANG	1,080	1,232	9,163	3,313	9	71	47	37,101	42	18
PERAK	1,967	1,073	5,597	4,848	74	129	124	24,393	101	40
PERLIS	327	31	58	89	10	40	37	1,783	2	0
PULAU PINANG	850	470	691	694	8	56	76	8,384	11	32
SABAH	2,823	119	7,192	6,586	1	44	34	16,316	16	4
SARAWAK	3,033	343	1,353	636	3	32	33	10,563	5	4
SELANGOR	2,143	368	777	291	35	179	164	1,833	9	27
TERENGGANU	1,736	501	2,747	1,331	13	24	23	4,690	22	4
WP.LABUAN	90	9	59	30	0	2	4	2,557	3	5
WPKL & PUTRAJAYA	998	352	537	1,206	70	311	279	12,557	9	22
KUMULATIF	23,667	7,476	47,751	28,266	342	1,125	1,045	167,171	297	438